


## Surat daripada Pengerusi



• Tan Sri Saw Huat Lye

### Tahun yang Gemilang

Pemegang saham yang dihargai,

Saya sekali lagi dengan sukacitanya melaporkan keputusan yang cukup memberangsangkan bagi syarikat anda, Guinness Anchor Berhad. Syarikat anda sudah memasuki tahun ke-40 sebagai sebuah syarikat tersenarai awam dan kita merayakan mercu tanda penting ini dengan keputusan terbaik yang pernah dicatatkan setakat ini. Kejayaan ini dicapai dengan sokongan pelanggan, pemegang kepentingan, kakitangan dan juga anda sekalian, pemegang saham kami yang dihargai.

Pada tahun yang dilaporkan, pertumbuhan pendapatan yang kukuh terus dicatatkan. Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak

20.4 peratus (berbanding 14.6 peratus pada tahun sebelumnya) sehingga mencapai angka RM129.25 juta (berbanding RM107.36 juta pada tahun kewangan 2003). Keuntungan tersebut dicatatkan berasaskan perolehan rekod RM886.21 juta, iaitu 11.2 peratus lebih tinggi daripada RM796.60 juta yang dicapai pada tahun lepas.

Lembaga Pengarah anda percaya bahawa prestasi kewangan mengagumkan ini diperolehi hasil pandangan jauh syarikat melaksanakan usaha menyeluruh bagi meningkatkan keberkesanan organisasi, menjimatkan kos dan lebih penting lagi, mengukuhkan lagi portfolio jenama kami. Kami percaya langkah-langkah yang disusun

## Surat daripada Pengerusi



• Keterlihatan lebih tinggi menerusi kempen pengiklanan



• Pengeluaran lebih tinggi untuk memenuhi permintaan



• Tanda penghargaan untuk penyokong setia Anchor

telah meletakkan Syarikat anda di kedudukan yang kukuh bukan sahaja untuk mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran yang sesuai, tetapi juga mengatasi cabaran getir dari luar yang kita hadapi dari masa ke masa. Berkenaan hal ini, saya prihatin tentang kesan peningkatan besar duti eksais dalam industri ini terhadap syarikat anda. Namun begitu, saya yakin bahawa dengan keteguhan pihak pengurusan, dan juga pelanggan setia jenama-jenama kami, kejayaan akan tetap dikecapi.

Pada tahun berakhir 30 Jun 2004, kecemerlangan prestasi syarikat lebih ketara kerana kejayaan kami meningkatkan bahagian pasaran dalam segmen bir dan stout. Tiger dan Heineken mengekalkan pertumbuhan dua angka yang mantap dari segi volum jualan buat tahun ketiga berturut-turut. Kedua-dua jenama utama kami

telah menggiatkan pertumbuhan Guinness Anchor Berhad dalam segmen bir manakala Guinness dapat melanjutkan penguasaannya dalam segmen stout apabila mencatatkan pertumbuhan paling besar sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada tahun yang dilaporkan, kami juga mencapai kejayaan luar biasa dari segi bilangan anugerah yang diterima. Sebagai Tanda Kejayaan, Tiger menerima anugerah Pingat Emas dalam kategori Pilsener ala Eropah di World Beer Cup 2004. Heineken mendapat tempat ke-35 di antara seribu Jenama Utama Asia, manakala Guinness merampas empat daripada sembilan anugerah Guinness serantau Diageo Asia Venture. Anugerah-anugerah tersebut menjadi bukti kekuatan portfolio jenama hebat kami.

## Surat daripada Pengerusi



• Pek hari jadi Guinness yang memenangi anugerah

Meninjau ke hadapan, agak berat bagi diri saya untuk menyatakan bahawa kami mungkin menghadapi kesukaran dalam jangka pendek. Duti eksais amat agak tinggi yang dikenakan ke atas arak malt duti berbayar oleh Kerajaan dalam Bajet 2005 dijangka memberi kesan besar dan menyekat pertumbuhan pasaran arak malt. Persaingan dijangka lebih sengit dengan tekanan tambahan daripada bir dan arak import diseludup yang lebih murah. Namun, saya percaya kita kini berada pada kedudukan yang baik untuk mengharungi segala cabaran yang menanti, kerana pihak Pengurusan yang kukuh dan komited.

Kejayaan dan pencapaian yang diperolehi pasti mustahil tanpa sumbangan dan usaha gigih pihak pengurusan dan kakitangan Syarikat. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka kerana dedikasi dan komitmen mereka kepada

Syarikat, untuk membawa Guinness Anchor Berhad ke tahap kejayaan yang dinikmati sekarang. Terima kasih juga kepada pemegang saham yang menyokong syarikat selama ini. Akhir sekali, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengedar, peruncit dan pembekal kami, dan paling penting sekali, pelanggan kami yang sudah sekian lama setia terhadap jenama-jenama kami.

Terima kasih

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Saw Huat Lye', is written over a small circular stamp.

Tan Sri Saw Huat Lye  
Pengerusi  
9 November 2004